



• **KENYATAAN AKHBAR**

29 Mei 2016

Untuk Siaran Segera

PERASMIAN CAWANGAN BANK MUAMALAT GUA MUSANG, KELANTAN

Gua Musang, Ahad 29 Mei : Bank Muamalat Malaysia Berhad hari ini telah merasmikan cawangan barunya di Gua Musang, Kelantan dan ia merupakan cawangan Bank Muamalat yang ke- 6 di buka di negeri itu.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Bank Muamalat Malaysia Berhad, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid diiringi oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad

Berucap di majlis tersebut, Y.Bhg. Tan Sri Munir berkata "Sehingga hari ini, Bank Muamalat mempunyai seramai lebih kurang 60,000 pelanggan di Kelantan. Cawangan Gua Musang ini merupakan cawangan ke-62 Bank Muamalat. Menerusi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat, insyaAllah dapat memenuhi permintaan setiap peringkat pelanggan".

Bank Muamalat juga memberi tumpuan supaya sentiasa berdaya komersial dengan mengamalkan amalan industri yang baik serta memajukan produk-produk yang berorientasikan pasaran menuju ke arah perbankan Islam dimana ia mengembangkan lagi sistem kewangan Islam ke arah pembangunan satu sistem yang lebih dinamik, responsif dan mapan.

Pembukaan cawangan ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen Bank Muamalat untuk memperluas dan mempertingkatkan perkhidmatan perbankan untuk komuniti setempat. Pada masa yang sama Bank Muamalat ingin memberi fasiliti kewangan untuk memudahkan agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang berdekatan untuk melakukan urusniaga kewangan, lantas menjana perkembangan ekonomi kawasan Gua Musang.

Issued by Corporate Communications Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad . For further information, please contact Saidatul Leiza Suleiman at leiza@muamalat.com.my or 011 – 3222 6558.

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Tel : +603 2698 8787, 2059 1200, 2615 7000
Laman Web : www.muamalat.com.my Talian Bebas Tel : 1300 88 8787



Abdi kumpulan
DRB-HICOM